

Anugerah pertama kali diperkenalkan, diberi secara menyeluruh

# 119 staf UniSZA terima APC

Rabu 3.07.2013

Oleh ISWAN SHAFIQ MAT ISA  
utusanganu@utusan.com.my

**KUALA TERENGGANU 2**  
Julai - Seramai 119 kakitangan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2012 semalam.

Anugerah yang pertama kalinya diperkenalkan itu diberikan secara menyeluruh iaitu kepada anggota kumpulan akademik, kumpulan penguasaan dan profesional serta kumpulan sokongan.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim berkata, penganugerahan itu bertujuan menghargai jasa yang dicurahkan kakitangannya sepanjang tempoh perkhidmatan.

Beliau berkata, selain anugerah itu, UniSZA turut memberi anugerah Penghargaan Perkhidmatan Setia serta Penghargaan Perkhidmatan Amat Setia kepada 90 kakitangan dan anugerah Penghargaan Pesara kepada tujuh kakitangan.

"Pada masa yang sama, UniSZA juga menghargai pensyarah yang mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) apabila memberikan Anugerah Pensyarah Tamat Pengajian PhD Dalam Tempoh kepada enam pensyarah dari universiti ini.

"Anugerah lain yang turut diberikan ialah anugerah Penghargaan kepada bekas Naib Canselor dan bekas Timbalan Naib Canselor serta



**YAHAYA Ibrahim (sembilan dari kanan) bersama kakitangan UniSZA yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2012 di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, baru-baru ini.**

Anugerah di atas kejayaan dalam *International Invention, Innovation and Technology Innovation (ITEX) 2013* baru-baru ini," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas Majlis Ucap Tahniah Naib Canselor dan Penganugerahan Kecemer-

langan UniSZA 2013 di Taman Tamadun Islam (TTI) di sini semalam.

Majlis itu diadakan bersempena genap enam bulan beliau memegang teraju selaku Naib Canselor UniSZA menggantikan bekas Naib Canselor sebelum ini iaitu Prof. Da-

tuk Dr. Alias Daud.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucaptamanya yang bertajuk 'Membina Perubahan, Menggapai Impian', Yahaya menyatakan hasratnya untuk membawa UniSZA maju setapak agar setanding de-

ngan universiti yang lebih terkemuka di negara ini.

Beliau turut berikrar menjadikan UniSZA sebagai universiti bertaraf antarabangsa dengan menyasarkan pertambahan pelajar asing untuk belajar di universiti itu.